

05 MAY 2003

I

ABDULLAH ANGGAP SARS ANTARA CABARAN UTAMA SEMASA JADI PEMANGKU PM

CYBERJAYA, 5 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata antara cabaran paling besar semasa beliau menjadi Pemangku Perdana Menteri dalam tempoh dua bulan lepas, ialah menangani jangkitan Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS).

Timbalan Perdana Menteri berkata kerajaan berpuas hati bahawa Malaysia tidak berada dalam skop pemerhatian Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) berkaitan wabak penyakit itu.

"Sudah semestinya itu adalah satu cabaran besar," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan hadiah kepada Majikan Terbaik Malaysia 2003 di sini.

Abdullah, menjadi pemangku perdana menteri selama dua bulan semasa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bercuti. Perdana Menteri kembali bertugas hari ini.

Ketika ditanya sama ada beliau merasakan tempoh dua bulan itu sebagai latihan kerja kepadanya sebelum mengambil alih jawatan Perdana Menteri selepas Dr Mahathir berundur Oktober ini, Abdullah berkata: "Pada saya, setiap masa adalah latihan. Setiap masa dan setiap kerja, kita mesti belajar.

"Saya akan ingat apa yang telah saya buat, sekiranya ia baik ia akan menjadi pengajaran yang berguna dan sekiranya ia buruk, ia juga pengajaran."

Abdullah berkata beliau tidak mengharapkan pujian semasa menjalankan tugas sebagai pemangku perdana menteri kerana apa yang dilakukan adalah kerana beliau diminta untuk menjalankannya.

-- BERNAMA

MAM AT AHH ERE MAI